

04 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Senarai)

MAHATHIR ANTARA SAKSI DALAM KES ANWAR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin ialah antara 52 orang saksi pendakwa pada perbicaraan empat tuduhan rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut disenaraikan ialah Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal-Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, dan penyanyi/pelakon Norzilah Jalil atau lebih dikenali Ziela Jalil.

Menurut Senarai Saksi-saksi Pendakwa yang diberikan oleh seorang daripada peguambela Anwar, mereka yang lain ialah setiausaha peribadi Anwar iaitu Azmin Mohd Ali beserta abang dan adiknya, iaitu Azman dan Ummi Hafilda, serta isteri Azmin iaitu Shamsidar Taharin, dan bekas juruiring Anwar iaitu Zull Aznam Haron.

Turut tersenarai ialah setiausaha politik Dr Mahathir iaitu Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" Abd Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah, bekas pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Mohd Ismail Che Ros dan bekas pemandu Anwar Azizan Abu Bakar.

Dr Mahathir, Daim, Megat Junid, Mohtar dan Abdul Rahim setakat ini belum dipanggil memberi keterangan di mahkamah setelah tiga hari perbicaraan Anwar berlangsung mulai Isnin lepas.

Senarai saksi pendakwa itu juga termasuk orang awam termasuk seorang doktor dan 20 pegawai polis.

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah yang membabitkan campur tangan dalam siasatan salah-laku seks terhadapnya.

Setakat ini, mahkamah sedang mendengar keterangan saksi pertama iaitu pengarah Cawangan Khas Polis Datuk Mohd Said Awang, yang sedang bercuti sebelum bersara pada 17 Nov ini.

Perbicaraan itu dijadualkan sehingga 14 Nov ini.

-- BERNAMA